

*(Malay)*

RP062

## **Penggunaan Alat Penggera Keselamatan (Unity Alarm) Sebagai Langkah Pencegahan Jenayah dalam Komuniti di Jajahan Kota Bharu Kelantan**

**Tuan Pah Rokiah Syed Hussain<sup>a</sup>, Hamidi Ismail<sup>b</sup>, Mohammad Zubir Abu Bakar<sup>c</sup>,  
Raman A/L Mariyappan<sup>d</sup>**

School of Government, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

\*\*Corresponding author email: [sh.rokiah@uum.edu.my](mailto:sh.rokiah@uum.edu.my)

### **Abstrak**

Kerancangan proses pambandaran yang berlaku di negara ini telah menjadi faktor penyumbang ke arah peningkatan kadar perlakuan jenayah dalam komuniti. Namun, bagaimanakah reaksi atau persediaan penduduk untuk menangani isu berkenaan iaitu sama ada bersedia terhadap pemasangan penggera keselamatan atau inovasi baharu (Unity Alarm) dalam mencegah jenayah di kawasan kediaman mereka. Dalam kajian ini persoalan terhadap tahap persediaan dalam kalangan penduduk diukur melalui tiga konstruk iaitu pengetahuan, perasaan dan tindakan bagi menentukan tahap persediaan mereka dalam penggunaan penggera keselamatan (unity alarm) untuk mencegah perlakuan jenayah. Kawasan kajian adalah merangkumi Jajahan Kota Bharu, Kelantan dengan pemilihan tiga jenis lokasi perumahan iaitu mewah, sederhana dan rendah. Metod kajian adalah secara kuantitatif dengan menggunakan soal selidik secara rawak mudah terhadap 384 ketua isi rumah (responden) dengan pembahagian sebanyak 128 responden bagi setiap jenis rumah. Analisis hasil kajian bagi menjawab persoalan kajian adalah menggunakan deskriptif dan ANOVA Sehalu. Hasil kajian secara keseluruhannya mendapati tahap persediaan menggunakan penggera keselamatan (unity alarm) di kediaman pula menunjukkan bahawa penduduk taman perumahan mewah dan sederhana lebih bersedia menggunakan alat penggera keselamatan berbanding penduduk perumahan kategori rendah. Seterusnya, bagi hasil kajian mengenalpasti perbezaan demografi penduduk terhadap tahap kesediaan melalui konstruk kategori umur, bangsa, pendapatan isirumah dan, bilangan isirumah menunjukkan tiada perbezaan namun, terdapat dua konstruk demografi penduduk yang menunjukkan perbezaan iaitu kategori kawasan tempat tinggal (perumahan mewah, sederhana dan rendah) dan taraf pendidikan responden yang menentukan perbezaan terhadap kesediaan penduduk menggunakan unity alarm di kediaman mereka. Justeru, diharapkan dengan adanya kajian seperti ini dapat membantu penduduk ke arah persediaan yang lebih baik dalam melaksanakan projek unity alarm bagi usaha pencegahan jenayah dan merealisasikan matlamat Dasar Perpaduan Negara yang digerakkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

**Kata kunci:** Kesediaan, Kota Bharu, Pengaruh Demografi, Unity Alarm

### **1. PENGENALAN**

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2018), adalah dianggarkan menjelang tahun 2020, terdapat hampir 75 peratus atau 20.1 juta penduduk di Semenanjung Malaysia memilih untuk mendiami kawasan bandar. Ini kerana kawasan bandar merupakan tempat tumpuan segala aktiviti ekonomi dan menjadi nadi penggerak kepada ekonomi yang mampu menyediakan peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang serta menyediakan tahap aksesibiliti terutamanya kemudahan pengangkutan yang sangat baik. Namun daripada sudut pandangan yang sebaliknya, perbandaran juga memberikan kesan yang kurang baik misalnya, keterdedahan yang tinggi terhadap ancaman risiko kesejahteraan dan keselamatan penduduk di kawasan bandar. Ini kerana bandar tidak lagi mempunyai persekitaran yang selesa dan baik serta mampu memberikan perlindungan kepada kesejahteraan hidup manusia secara baik (Zainuddin 2006; UN-Habitat, 2016). Selain itu, situasi tersebut bertambah serius lagi apabila sikap tidak ambil peduli komuniti bandar terhadap hal kejiranan juga dilihat memberi ruang dan peluang kepada perlakuan jenayah khususnya di kawasan kediaman yang terletak di kawasan bandar. Keadaan ini akan bertambah serius tahun

demi tahun akibat terhakisnya nilai-nilai kesejagatan dalam keharmonian kehidupan yang diamalkan oleh penduduk bandar kesan globalisasi antaranya pentingkan diri sendiri, tidak mengambil tahu mengenai jiran, tidak bertolak ansur atau dengan kata lain lebih bersifat individualistik dan materialistik (Cozens & Davies, 2013; Izadifar, Yazdanfar, Hosseini, & Norouzian-Maleki, 2015; Okunola & Amole, 2012).

## **2. PENYATAAN MASALAH**

Kerancangan proses pembedaan di negara ini dilihat sebagai salah satu faktor utama yang menyumbang ke arah peningkatan kadar perlakuan jenayah. Ini kerana pada masa yang sama terdapat perubahan yang ketara dalam amalan sistem nilai-nilai sosial masyarakat yang lebih mengutamakan pemodenan di mana masyarakat lebih bersifat individualistik. Hal ini berlaku apabila masyarakat mengutamakan aspek material dan status kerana pembedaan dianggap satu elemen penting dalam mengukur kemajuan sesebuah masyarakat atau sesebuah negara yang mampu mempengaruhi perubahan terhadap sistem sosial, ekonomi, demografi, perkembangan teknologi dan persekitaran (Lee Lam Thye 2012). Seterusnya, sesuatu inovasi itu terdapat daripada proses pemeraksanaan komuniti yang disebabkan berlaku desakan terhadap keperluan, kehendak dan persekitaran seseorang individu mahupun kumpulan. Ia melibatkan proses penzahiran idea untuk mencipta sesuatu yang lebih baik dan perubahan positif yang signifikan serta diadaptasi oleh pihak lain (Douglas & Marc, 1995). Di samping itu, strategi pencegahan jenayah melibatkan beberapa peringkat pencegahan (awalan, pertengahan, ketiga) yang meliputi kumpulan sasaran yang berbeza berdasarkan keperluan individu (tindakan perseorangan), berkumpulan (tindakan oleh penduduk setempat) dan orang awam (tindakan untuk menghubungi polis) untuk mencegah jenayah (Barton & Valero-Silva, 2013; Casey, 2008; Pattavina, 2006; Nadia 2017).

Walaupun pelbagai tindakan dan inisiatif telah dilaksanakan, tetapi masih kedengaran suara-suara masyarakat yang menyalahkan pihak berkuasa kerana dianggap cuai dalam mengawal penularan perlakuan jenayah. Pada masa yang sama pula, organisasi sukarelawan komuniti seperti Rukun Tetangga (RT), persatuan penduduk mahupun *community policing* turut dipersalahkan kerana tidak mampu mengawal keselamatan di kawasan kediaman dan mengurangkan rasa kebimbangan terhadap jenayah dalam kalangan penduduk. Pandangan sinis dan stereotaip warga bandar khususnya ini dilihat sebagai cabaran dan penerokaan minda pihak yang berkaitan termasuklah komuniti setempat untuk mencari alternatif pencegahan jenayah berbentuk inovatif yang mampu membantu dalam membanteras perlakuan jenayah daripada berleluasa. Namun, bagaimanakah pula dengan tahap kesediaan penduduk terhadap pemasangan peralatan atau inovasi baharu (Unity Alarm) dalam mencegah jenayah di kawasan mereka (Amran 2009; Zumurni 2018).

Dalam konteks kajian ini, komuniti kawasan perumahan di Jajahan Kota Bharu terpanggil untuk menterjemahkan masalah mereka tentang keselamatan dan kebimbangan terhadap jenayah di kawasan kediaman. Justeru, pengukuran tahap kesediaan penduduk dalam penerimaan sesuatu inovasi baharu adalah sangat penting dalam konteks merealisasikan sesuatu matlamat. Misalnya, dengan penggunaan "Unity Alarm" di kawasan kediaman dikatakan dapat mencegah jenayah tetapi sekiranya, penduduk atau masyarakat setempat tidak bersedia menerima inovasi baharu sebagai langkah pencegahan jenayah di kawasan kediaman mereka maka segala usaha pihak kerajaan adalah sia-sia (Rajah 1) (Amran 2009; Zumurni 2018). Selain itu, kajian menghujahkan bahawa tahap kesediaan penggunaan sistem unity alarm yang masih rendah dalam penduduk di kawasan kajian sebagai salah satu usaha pencegahan jenayah di kawasan kediaman mereka. Oleh itu, kajian ini akan mengukur tentang tahap kesediaan pihak penduduk di kawasan perumahan dalam menerima projek "Unity Alarm" bagi mencegah kejadian jenayah di kawasan kediaman mereka. Pengukuran tahap kesediaan dalam kalangan penduduk di kawasan perumahan adalah melibatkan aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Bagi komponen kognitif pengukuran adalah melibatkan konstruk pengetahuan mereka terhadap projek "Unity Alarm". Seterusnya, bagi komponen afektif adalah melibatkan konstruk perasaan manakala komponen psikomotor pula

melibatkan konstruk tindakan/kerjasama. Diharapkan dengan adanya kajian ini dapat merungkai permasalahan dalam kalangan penduduk kawasan perumahan di Jajahan Kota Bharu dalam merealisasikan projek “Unity Alarm” sebagai langkah drastik mencegah perlakuan jenayah sama ada jenayah kekerasan atau pun jenayah harta benda. Oleh itu kajian ini telah mengemukakan beberapa persoalan bagi merungkai permasalahan dalam kajian ini.

- i. Apakah wujud perbezaan penunjuk demografi penduduk terhadap kaedah pencegahan jenayah sedia ada dan persediaan menggunakan “Unity Alarm” di kediaman mereka dalam mengurangkan kadar jenayah?
- ii. Apakah wujud perbezaan dalam konteks demografi penduduk terhadap tahap kesediaan penggunaan unity alarm bagi mengurangkan jenayah di kawasan kediaman mereka?



Rajah 1: Alatan penggera rumah Sumber: Ciscom Technology 2019.

### 3. KAJIAN LITERATUR

Perlakuan jenayah merupakan antara permasalahan sosial yang melanda kebanyakan bandar-bandar di dunia sejak lebih daripada 20 tahun (Belinda Yuen, 2004; Shelley, 1981) dan peningkatannya adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Namun demikian, tidak dinafikan perbandaran adalah antara faktor yang banyak mempengaruhi peningkatan permasalahan jenayah di kebanyakan bandar di dunia (Gold, 2002; Pallen, 2002; Pokhariyal dan Muthuri, 2003) dan masalah jenayah semakin kompleks dan sukar dibendung kesan daripada kemajuan dalam sains dan teknologi (Sidhu, 2005).

Seiring dengan kepesatan perbandaran dan kemajuan, Malaysia juga turut menghadapi permasalahan yang sarna. Menurut laporan pihak seperti *International Criminal Police Organization* (Interpol), United Nations, *Institute for Economic and Peace* (IEP), Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), kadar jenayah negara masih rendah berbanding negara lain (Utusan Malaysia, 2001; United Nations, 2005; Berita Harian, 2004; Harian Metro, 2006; Berita Harian, 2008; New Straits Times, 21 November 2010; IEP, 2018). Diteliti dari segi prestasi kecemerlangan pasukan polis negara, menurut Naib Pengerusi YPJM, PDRM merupakan antara pasukan polis terbaik dalam kalangan negara membangun di seluruh dunia (Berita Harian, 2008; Utusan Malaysia 2001). Selain daripada itu, merujuk kepada indeks jenayah negara bagi tempoh 1980-2008 dan indeks jenayah negeri Pulau


Pinang bagi tempoh 1990-2006 adalah menunjukkan peningkatan yang ketara (Mohd Reduan, 1990; Sidhu 2005; 2006; Muzafar dan Eng, 2006; Muzafar dan Law, 2007; Muzafar dan Baharom, 2009; Tang, 2009) penelitian ke atas trend indeks jenayah bagi tempoh 1990-2003, 88.4 peratus pelakuan jenayah di negara ini adalah terdiri daripada jenayah harta benda dan hanya 11.6 peratus melibatkan jenayah kekerasan sarna ada di peringkat negara mahupun negeri Pulau Pinang (Nor-ina, 2008; Nor-ina dan Norizan, 2007; 2008; 2009;2010;2011 dan 2015).

Menurut *United Nations International Crime Justice Institute* (UNICRI), 2005, jenayah keganasan hanya melibatkan 25-30 peratus di kebanyakan negara Dunia Ketiga dan sebahagian besar adalah melibatkan jenayah harta benda (UN 2005). Merujuk kepada statistik indeks jenayah negara pada keseluruhannya adalah membimbangkan dan menimbulkan reaksi pelbagai pihak kerana ianya bukan sekadar diunjurkan terus meningkat selari dengan pertumbuhan penduduk (Sidhu, 2006), menjejaskan keamanan dan keselamatan negara, juga menjejaskan kualiti hidup, kerana aspek keselamatan merupakan salah satu indikator dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) (Unit Perancang Ekonomi, 2002; 2004).

#### **4. KAWASAN DAN METOD KAJIAN**

Jajahan Kota Bharu merupakan salah satu daripada sepuluh buah jajahan pentadbiran yang ada dalam negeri Kelantan termasuklah Jajahan Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Bachok, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Jeli dan Jajahan Gua Musang. Jajahan Kota Bharu disempadani oleh Jajahan Pasir Mas di sebelah barat, Jajahan Tumpat di utara, Jajahan Bachok di sebelah timur dan Jajahan Machang di selatan. Selain itu, akibat proses urbanisasi yang pesat berlaku di Jajahan Kota Bharu, terdapat banyak taman perumahan yang dibina bagi memenuhi permintaan penduduk daripada dalam dan luar negeri Kelantan.

Jajahan Kota Bharu mempunyai jumlah penduduknya yang padat dan bandar Kota Bharu dan menjadi pusat tumpuan kepada pelbagai aktiviti ekonomi termasuklah perniagaan, pelancongan, pekerja swasta dan juga anggota awam. Justeru, dengan kerancangan pertambahan taman perumahan maka aspek keselamatan tidak boleh dianggap remeh. Berdasarkan limitasi di kawasan kajian iaitu faktor kepadatan penduduk dan jumlah taman-taman perumahan di Jajahan Kota Bharu yang banyak maka terdapat enam taman perumahan sahaja yang dipilih berdasarkan kategori iaitu mewah, sederhana dan rendah. Kajian dilakukan menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada responden secara terus kepada responden dan diambil secara rawak mudah dalam kalangan penduduk (ketua isi rumah). Berdasarkan cadangan pengiraan oleh Krejcie dan Morgan (1970); (Sekaran 2006); Ritchie and Lewis (2003), pembahagian jumlah responden adalah masing-masing mestilah tidak kurang daripada 30 orang penduduk bagi menjaga kualiti hasil ujian statistik yang akan digunakan nanti. Ini bermakna jumlah sampel bagi ketiga-tiga kawasan perumahan tersebut adalah masing-masing seramai 128 orang serta jumlah keseluruhan sampel adalah seramai 384 orang ketua isirumah (Rajah 2).



Rajah 2: Lokasi taman-taman perumahan yang dipilih sebagai sampel kajian di Jajahan Kota Bharu, Kelantan

Sumber: JPBD (2010). Rancangan Struktur Negeri Kelantan

## 5. ANALISIS DATA

Analisis deskriptif digunakan bagi menilai kemungkinan wujudnya perbezaan tahap kepuashati penduduk terhadap kaedah pencegahan jenayah sedia ada dan persediaan menggunakan sistem unity alarm. Antara item ujian yang dilihat adalah aspek kawasan tempat tinggal, umur, jantina, bangsa, pendapatan, taraf pendidikan, bilangan isi rumah dan jenis pekerjaan. Seterusnya, bagi persoalan Kedua pula iaitu “Meneliti perbezaan demografi penduduk terhadap tahap kesediaan penggunaan, kajian ini memilih kaedah ANOVA sehalu bagi menilai perbezaan demografi penduduk terhadap persediaan pelaksanaan projek unity alarm di kawasan kediaman dalam usaha mengurangkan jenayah.

## 6. PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Berdasarkan hasil kajian secara keseluruhannya mendapati bahawa, penduduk di kawasan kajian kurang berpuashati dengan kaedah pencegahan jenayah sedia ada kerana hasil kajian di ketiga-tiga jenis perumahan iaitu mewah, sederhana dan rendah adalah lebih cenderung kepada jawapan tidak berpuas hati. Seterusnya, bagi hasil bagi kajian persediaan menggunakan unity alarm di kediaman pula menunjukkan bahawa penduduk taman perumahan mewah dan sederhana lebih bersedia menggunakan unity alarm berbanding penduduk perumahan rendah. Bagi kategori umur pula **golongan berumur antara 31-40 tahun yang tidak berpuas hati dengan kaedah pencegahan jenayah sedia ada berbanding dengan kategori umur yang lain.** Keadaan ini selari dengan tahap kesediaan menggunakan unity alarm di kediaman yang mana penduduk

**kategori umur 31-40 tahun lebih bersedia** untuk menggunakan unity alarm di kediaman masing-masing berbanding dengan kategori umur yang lain.

Seterusnya bagi jantina pula mendapati golongan **perempuan lebih ramai yang tidak berpuas hati berbanding lelaki** terhadap kaedah pencegahan jenayah sedia ada di kawasan kajian. Seterusnya, bagi tahap persediaan menggunakan unity alarm di kawasan kediaman pula mendapati **golongan perempuan juga lebih bersedia berbanding lelaki**. Bagi kategori bangsa pula menunjukkan **bangsa Melayu lebih tinggi tidak berpuas hati** dengan kaedah pencegahan jenayah sedia ada berbanding dengan bangsa lain dan begitu dengan persediaan menggunakan unity alarm di kediaman sebagai langkah pencegahan jenayah menunjukkan tiada masalah untuk bangsa melayu dan bangsa-bangsa lain.

Bagi jumlah **pendapatan juga mencatatkan jumlah lebih tinggi di tahap tidak berpuas hati** dengan kaedah pencegahan jenayah sedia ada berbanding dengan sebaliknya. Keadaan yang sama juga bagi kategori taraf pendidikan di mana responden ramai yang tidak berpuas hati dengan kaedah pencegahan jenayah sedia ada kawasan bagi keseluruhan responden. Sementara itu, bagi kesediaan menggunakan unity alarm di kediaman sebagai langkah pencegahan jenayah mendapati responden menyatakan **persetujuan di semua tingkat taraf pendidikan**. Bagi bilangan isi rumah dan jenis pekerjaan juga mendapati mereka tidak berpuashati dengan dengan kaedah pencegahan jenayah sedia ada kawasan bagi keseluruhan responden manakala, bagi kesediaan menggunakan unity alarm di kediaman sebagai langkah pencegahan jenayah mendapati responden menyatakan persetujuan di semua item ujian iaitu bilangan isi rumah dan jenis pekerjaan. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa penduduk tidak berpuashati dengan kaedah pencegahan jenayah sedia ada di kawasan kediaman dan mereka bersedia menggunakan menggunakan unity alarm di kediaman sebagai langkah pencegahan jenayah (Jadual 2).

Jadual 2: *Perbandingan Demografi Penduduk Mengenai Kaedah Pencegahan Jenayah Sedia Ada dan Persediaan Menggunakan Sistem Unity Alarm*

Bil.	Demografi penduduk	Item	Berpuas hati dengan kaedah pencegahan jenayah sedia ada		Bersedia untuk menggunakan sistem unity alarm	
			Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Kawasan Tempat tinggal	<b>Perumahan Mewah (*128)</b>				
		Taman Minee Villa	24	40	52	12
		Kemumin				
		Taman Uda Murni	32	32	54	10
	<b>Jumlah:</b>		<b>56</b>	<b>72</b>	<b>106</b>	<b>22</b>
	Kawasan tempat tinggal	<b>Perumahan Sederhana (*128)</b>				
		Taman Guchil Bayam				
		Taman Korperatif Tanjung Chat	25	39	50	14
			27	37	46	18
	<b>Jumlah:</b>		<b>52</b>	<b>76</b>	<b>96</b>	<b>32</b>
	Kawasan tempat tinggal	<b>Perumahan Rendah (*128)</b>				
		Taman Kurnia Jaya	29	35	22	42
		Taman Rakyat, Pasir Hor	23	41	33	31

	<b>Jumlah</b>		<b>52</b>	<b>76</b>	<b>55</b>	<b>73</b>
<b>2</b>	Kategori umur	21 hingga 30 tahun	21	38	60	18
		31 hingga 40 tahun	89	74	96	43
		41 hingga 50 tahun	26	66	64	52
		51 tahun dan ke atas	32	38	37	14
	<b>Jumlah</b>		<b>168</b>	<b>216</b>	<b>257</b>	<b>127</b>
<b>3</b>	Jantina	Lelaki	118	266	253	131
		Perempuan	106	278	263	121
	<b>Jumlah:</b>		<b>224</b>	<b>544</b>	<b>516</b>	<b>252</b>
<b>4</b>	Bangsa	Melayu	120	198	250	68
		Cina	21	23	44	0
		India	4	1	2	3
		Lain-lain	5	12	14	3
	<b>Jumlah:</b>		<b>150</b>	<b>234</b>	<b>310</b>	<b>74</b>
<b>5</b>	Pendapatan	RM3,000.00 dan ke bawah	81	110	142	49
		RM3,001.00 - RM5,000.00	77	53	101	29
		RM5,001.00- RM7,000.00	20	28	18	30
		RM7,001.00 dan ke atas	5	10	8	7
		<b>Jumlah:</b>		<b>183</b>	<b>201</b>	<b>269</b>
<b>6</b>	Pendidikan	SPM dan lebih rendah	76	98	121	53
		STPM dan setaraf	39	102	108	33
		Sarjanamuda	16	33	32	17
		Pascasiswazah (Sarjana)	5	13	10	8
		Pascasiswazah (Doktor Falsafah)	2	0	2	0
		<b>Jumlah:</b>		<b>138</b>	<b>246</b>	<b>273</b>
<b>7</b>	Bilangan isirumah	5 orang dan ke bawah	80	158	199	39
		6 hingga 10 orang	40	91	79	52
		11 orang dan lebih	8	7	10	5
		<b>Jumlah:</b>		<b>128</b>	<b>256</b>	<b>288</b>
<b>8</b>	Jenis pekerjaan	Kerja sendiri	112	206	98	40
		Kerja swasta	21	23	85	67
		Kerja kerajaan	4	1	59	15
		Pencen	8	9	12	8
		<b>Jumlah:</b>		<b>145</b>	<b>239</b>	<b>257</b>

$N = 384$

$n = 128^*$  (iaitu pecahan kepada keseluruhan saiz sampel N)

Situasi tersebut adalah selaras dengan kajian yang dijalankan Walsh et al. (2007) di negeri China mendapati bahawa faktor latar belakang diri mampu untuk mempengaruhi isirumah dalam tingkah laku mereka bertindak mencegah kejadian jenayah di kawasan kediaman mereka., di mana golongan yang berusia didapati mempunyai sikap yang positif terhadap langkah pencegahan jenayah berbanding golongan muda. Sindu (2006) di dalam kajiannya ke atas isirumah di Greek turut mendapati bahawa pembolehubah latar belakang diri seperti bilangan isi rumah, kawasan tempat tinggal dan umur responden turut mempengaruhi amalan pencegahan jenayah di kawasan kediaman mereka. Hal ini menunjukkan tingkah laku penduduk adalah berbeza mengikut kawasan dan tempat kerana berkemungkinan disebabkan gaya hidup dan budaya setempat yang berbeza. Seterusnya, kajian oleh Silva (2009) pula, mendapati individu mempunyai latar belakang sosioekonomi yang berbeza seperti tahap pendidikan, pendapatan, umur dan jantina, memberikan kesan signifikan ke atas kemampuan untuk mengurangkan melaksanakan langkah pencegahan jenayah di Stockholm, Sweden.

**Sementara itu, bagi analisis ANOVA**, item ujian yang diteliti adalah kawasan tempat tinggal, umur, jantina, bangsa, pendapatan, taraf pendidikan, bilangan isi rumah dan jenis pekerjaan dengan aspek pengetahuan, perasaan, tindakan/kerjasama. **Hasil kajian ANOVA sehala mendapati terdapat dua item ujian menunjukkan perbezaan iaitu kawasan tempat tinggal dan taraf pendidikan responden.** Contohnya, aspek pengetahuan dengan kawasan tempat tinggal juga begitu meluas iaitu  $F = 71.997$ . Bukti terdapat serakan meluas bagi konstruk pengetahuan apabila aras signifikan mencapai nilai 0.000 atau berada dalam lingkungan nilai  $p < 0.05$ . Ini menunjukkan bahawa pengetahuan responden tentang penggunaan unity alarm di kediaman mereka bagi pencegahan jenayah berdasarkan kawasan tempat tinggal sememangnya **wujud perbezaan**. Seterusnya, bagi aspek perasaan juga masih meluas iaitu  $F = 11.723$  dan bukti terdapat serakan meluas bagi konstruk perasaan apabila aras signifikan mencapai nilai 0.000 atau berada dalam lingkungan nilai  $p < 0.05$ . Dengan kata lain, bagi konstruk perasaan juga **wujud perbezaan** dalam konteks kesediaan penduduk menggunakan unity alarm di kawasan kediaman mereka (Jadual 3).

Jadual 3: Nilai Taburan Min, SD, F dan Signifikan Untuk Kesediaan Penduduk tentang Penggunaan Unity Alarm Bagi Pencegahan Jenayah Berdasarkan Kawasan Tempat Tinggal Responden

Kesedaran	Kawasan Tempat Tinggal	Min	SD	F	Sig.
Pengetahuan H2	Perumahan Mewah	38.25	1.928	71.997	0.000*
	Perumahan Sederhana	37.37	2.092		
	Perumahan Rendah	35.05	2.536		
Perasaan H3	Perumahan Mewah	37.34	2.108	11.723	0.000*
	Perumahan Sederhana	37.70	2.037		
	Perumahan Rendah	38.48	1.646		
Tindakan/kerjasama H0	Perumahan Mewah	39.36	1.635	2.845	0.059
	Perumahan Sederhana	39.59	1.450		
	Perumahan Rendah	39.13	1.547		
Kesediaan H1	Perumahan Mewah	114.95	3.642	17.261	0.000*
	Perumahan Sederhana	114.65	3.019		
	Perumahan Rendah	112.66	3.442		

\* Min adalah signifikan pada aras 0.05  
N = 384



Walau bagaimanapun, bagi aspek tindakan dengan kawasan tempat tinggal **tidak menunjukkan perbezaan** yang signifikan disebabkan nilai  $p > 0.05$ . Oleh itu, kajian merumuskan bahawa konstruk pengetahuan menerima H2, dan juga konstruk perasaan menerima H3 manakala bagi konstruk tindakan/kerjasama (menerima H0

H<sub>0</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan dengan kawasan tempat tinggal.

**H<sub>2</sub> Terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan dengan kawasan tempat tinggal.**

H<sub>0</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara perasaan dengan kawasan tempat tinggal.

**H<sub>3</sub> Terdapat perbezaan yang signifikan antara perasaan dengan kawasan tempat tinggal.**

**H<sub>0</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tindakan/kerjasama dengan kawasan tempat tinggal.**

H<sub>4</sub> Terdapat perbezaan yang signifikan antara tindakan/kerjasama dengan kawasan tempat tinggal.

Berdasarkan hasil kajian ini mengenai perbezaan konstruk demografi penduduk terhadap kesediaan penggunaan unity alarm dalam usaha pencegahan jenayah adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh kajian oleh Lee Shok Mee (1997) dan Kosslyn dan Rosenberg (2005) yang mendapati bahawa faktor umur responden berhubungan secara negatif dengan tahap kesediaan penduduk terhadap pencegahan perlakuan jenayah. Selain itu, menurut Finucane (2011) dan Harmon-Jones et al., (2013) mendapati bahawa kepekaan penduduk terhadap sesuatu perkara atau subjek adalah bergantung kepada proses kognitif yang pastinya akan menghasilkan tingkah laku atau tahap kesediaan yang baik terutamanya melibatkan aspek keselamatan keluarga mereka.

## 7. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian kesediaan penduduk terhadap penggunaan sistem unity alarm usaha pencegahan jenayah mendapati sememangnya mereka mempunyai tahap pengetahuan, perasaan dan tindakan yang tinggi dalam melakukan perkara melibatkan kesediaan penggunaan unity alarm. Tahap kesediaan yang tinggi dalam kalangan penduduk secara keseluruhannya diharap dapat mensejahterakan masyarakat kerana menjadi penunjuk kepada kelangsungan hidup manusia pada masa kini dan akan datang serta penunjuk kepada kesejahteraan hidup masyarakat untuk masa hadapan oleh generasi masa kini. Justeru, kesediaan penggunaan sistem unity alarm di kawasan kediaman dalam usaha mencegah jenayah harus diberikan perhatian dan disemai dalam diri setiap anggota masyarakat.

## RUJUKAN

- Amran Ahmad. (2009). Kaji sebab imej polis masih negatif. *BERNAMA* (6/10/2009).
- Barton, H., & Valero-Silva, N. (2013). Policing in partnership: a case study in crime prevention. *International Journal of Public Sector Management*, 26 (7), 543-553.
- Belinda Yuen. (2004). "Safety and Dwelling in Singapore". *Cities*. Vol21 (1):19-28.
- Berita Harian. (2004). *Tekanan Antara Punca Jenayah Kejam Meningkat*. (13 Januari 2004). Berita Harian. (2008). *PDRM Buru Jenayah Sifar: Peruntukan RM6b Pastikan Keselamatan Negara Terjamin*. (12 Februari 2008).
- Casey, L. (2008). *Engaging Communities in Fighting Crime: A review by Louise Casey*. London: John Wiley Pub.
- Ciscom Technology (2019). Sistem penggera keselamatan rumah.com.my (25/7/2019); pagar automatickontraktor.com.my/Alat-Penggera-dan-Automasi-Malaysia (27/7/2019).

- Covington, J., & Taylor, R. B. (1991). Fear of Crime in Urban Residential Neighborhoods: Implications of Between- and Within-Neighborhood Sources for Current Models, 32(2), 231–249.
- Cozens, P., & Davies, T. (2013). Crime and residential security shutters in an Australian suburb: Exploring perceptions of “Eyes on the Street”, social interaction and personal safety. *Crime Prevention and Community Safety*, 15(3), 175–191.
- Douglas, D., & Marc, A. (1995). Empowerment theory, research, and application. *American Journal of Community Psychology*, 23(5), 569.
- Finucane, A.M. (2011). The effect of fear and anger on selective attention. *Emotion* 11(4), 970–974.
- Gold, H. (2002). *Urban Life and Society*. New Jersey: Prentice Hall.
- Harmon-Jones, E., Gable, P.A. & Price, T.F. (2013). Does negative affect always narrow and positive affect always broaden the mind? Considering the influence of motivational intensity on cognitive scope. *Current Directions in Psychological Science* 22(4), 301–307.
- Harian Metro. (2006). "Indeks Jenayah Meningkatkan 12.6 Peratus: Apakah Puncanya?" (9 November 2006).
- Institute for Economics and Peace (IEP) (2018). [Diakses pada 2 Ogos 2018]. Diperoleh daripada World Wide Web: [http://en.wikipedia.org/wiki/Global\\_Peace\\_Index](http://en.wikipedia.org/wiki/Global_Peace_Index).
- Izadifar, A., Yazdanfar, S.-A., Hosseini, S.-B., & Norouzian-Maleki, S. (2015a). Relationship between Support of Social Activities and Fear of Crime in Iran Residential Complex. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 170, 575–585.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2018). Laporan Pemantauan Pelaksanaan Program Bandar Selamat, 2010. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2010). Rancangan struktur Negeri Kelantan. Kuala Lumpur: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.
- Kosslyn, S.M. & Rosenberg, R.S. (2005). The brain and our students: how to explain why neuroscience is relevant psychology. In. Perlman, B., McCann, L.I. & Buskist, W. (pnyt.). *Voices of Experience: Memorable Talks from the National Institute on the Teaching of Psychology*, hlm. 71-82. Washington, DC: American Psychological Society.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 40, 53-76.
- Lee Lam Thye. (2012). Memperkukuhkan keyakinan masyarakat terhadap polis. *Utusan Malaysia* (6/4/2012).
- Lee Shok Mee. (1997). *Teori dan aplikasi psikologi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mohd Reduan, A. (1990). *Jenayah di Malaysia: Aliran, Punca dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.
- Muzafar Shah, H dan Eng, Y.K. (2006). Crime and the Underground Economy in Malaysia: Are they related? *The Journal of Global Business*, Vol.1.2 (1):138-154.
- Muzafar Shah, H dan Law, S.H. (2007). Crime and Financial Economic Variables in Malaysia: Evidence from a Vector Error Correction Model. *Journal of Social and Economic Policy*, Vol.4 (2): 263-276.
- Muzafar Shah, H dan Baharom, A.H. (2009). *Crime and Economic Conditions in Malaysia: An ARDL Bounds Testing Approach*.
- Nadia Hamid. (2017). program mesra rakyat tapis persepsi negatif terhadap PDRM. *Berita Harian* (27/7/2017).
- Nor-ina, K dan Norizan, M.N (2007). *Pelakuan Jenayah dari Perspektif Geografi: Satu Kajian Kes di Daerah Timur Laut Pulau Pinang*. Dibentangkan di Persidangan Geografi 2007 Universiti Malaya, "Memperkasakan Geografi di Malaysia: Isu dan Cabaran, Anjuran Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya Kuala Lumpur, Hotel Armada, Petaling Jaya Kuala Lumpur, 21-22 Ogos 2007.
- Nor-ina, K dan Norizan, M.N. (2008). *Pelakuan Jenayah dari Perspektif Geografi: Satu Kajian kes di Daerah Timur Laut Pulau Pinang*. DiM. Hamirdin, 1., Amer, S.G., Abdul Rahman, R., dan Rosmadi, F. (2008). *Isu-isu Geografi Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Geografi Universiti Malaya. 214-233.

- Nor-ina, K dan Norizan, M.N., Ruslan, R. (2009). Pelakuan Jenayah Harta Benda di Daerah Timur Laut Pulau Pinang: Trend dan Punca. DIm. Mohd Fauzi, Y. (2009), Malaysia: Tranformasi dan Perubahan Sosial. Selangor Darul Ehsan: Arab Publication. 131-147.
- Nor-ina, K dan Norizan, M.N. (2010). Jenayah dan Perbandaran: Satu Kajian di Daerah Timur Laut Pulau Pinang. DIm. Yazid, S., Fauziah, c.L., dan Mazdi, M. (2010). Isu-isu Semasa Alam Sekitar Manusia di Malaysia. Perak Darul Rizduan: UPSI, 43-60.
- Nor-ina, K, Norizan Hj Md Nor, & Rainis, R. (2011). "pelakuan jenayah: sejauhmanakah kebimbangan masyarakat? satu kajian persepsi penduduk bandar di Pulau Pinang"\*. In Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar [MATRA 2011] (1-16).
- Nor-Ina Kanyo, Norizan, Ruslan, Ahmad Tarmizi, Norita. (2015). Jenayah dan agenda pembangunan di Malaysia: Satu tinjauan. Malaysian Journal of Society and Space 11 issue 1 (124-134).
- Okunola, S., & Amole, D. (2012). Perception of Safety, Social Participation and Vulnerability in an Urban Neighbourhood, Lagos, Nigeria. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 35(December 2011), 505-513.
- Pattavina, A. (2006). An Examination of Citizen Involvement in Crime Prevention in High- Risk Versus Low- to Moderate-Risk Neighborhoods. Crime & Delinquency.
- Pallen, J. J. (2002). The Urban World, 6th Ed. New York: McGraw Hill.
- Pokbariyal, G.P and Muthuri, Rose K. (2003). "Strategic Measures to Curb Crime Rates in Nairobi". International Journal on World Peace. Vol.xx (1), 55-69.
- Ritchie, J & Lewis, J. (2003). Qualitative research practice: a guide for social science students and researchers. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Sekaran, U. (2006). Research methods for business: a skill building approach. Ed. 6. New York: John Wiley & Sons.
- Shelley, L. I. (1981). Crime and Modernization: The Impact of Industrialization and Urbanization on Crime. United States: Southern Illinois University Press.
- Silva, A., Henriques, E. & Carvalho, A. (2009). Creativity enhancement in a product development course through entrepreneurship learning and intellectual property awareness. European Journal of Engineering Education 34(1), 63-75.
- Sidhu, A.S (2005). The Rise of Crime in Malaysia: An Academic and Statistical Analysis. Journal of the Kuala Lumpur Royal Malaysia Police College, No.4:1-28
- Sindu, A.S. (2006). Crime Levels and Trends in the Next Decade. Journal of the Kuala Lumpur Royal Malaysia Police College, No.5: 1-13
- United Nations (2016) Indicators of Sustainable Development Framework and Methodologies. United Nations Commission on Sustainable Development, New York.
- Utusan Malaysia. (2001). Kadar Jenayah di Malaysia Terendah. (19 Januari 2001).
- United Nations (2005). United Nations International Crime and Justice Research Institute (UNICRI). Environment and Urbanization, Vol. 8. no.I.
- Unit Perancang Ekonomi. (2002). Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 2002 [Diakses pada 29 April 2004].Diperoleh daripada World Wide Web: <http://www.epu.jpm.my/IBI/publi/mqli2002/sec2.pdf>.
- Unit Perancang Ekonomi. (2004). Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 2002 [Diakses pada 26 Julai 2007].Diperoleh daripada World Wide Web: <http://www.epu.jpm.my/IBI/LQ!Qli!mq1i2004/se~?~pQf>.
- Walsh, F. (2007). Traumatic loss and major disaster: strengthening family and community resilience. Family Process 46(2), 207-227.
- Zainudin Muhammad (2006) Ke arah perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat. Kertas Pembentangan di Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar dan Wilayah / UTM (Alam Bina) Skudai Johor, pada 28-29 Februari.
- Zumurni Hamzah. (2018). Indeks jenayah turun bukan tiket untuk selesa. Sinar Harian (10/9/2018)